

Smart Selangor terus pacu kejayaan

Sinar Harian 02/03/2016 M/S 21

Foto: ASRIL ASWANDI SHUKOR



Fahmi ketika ditemubual media baru-baru ini.

Kerajaan negeri fokus pemantapan projek perhubungan, fizikal pada 2018

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Kejayaan projek Smart Selangor yang dicetuskan pada penghujung 2015 mendorong unit *Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)* untuk terus merangka

kerana perlu menyediakan wang kecil.

"Jika kita dapat tukarkan sistem ini, di mana pembeli boleh datang ke pasar malam dan bayar kepada peniaga secara transaksi melalui telefon, ia dapat memudahkan beberapa perkara dan lebih selamat.

"Itu dari sudut kepenggunaan dan jika dilihat dari sudut keperluan, pelaksanaan Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) pula adalah contoh terdekat keperluan kepada kaedah ini. Tak perlu bawa duit, para ibu boleh pergi ke mana-mana pasaraya terpilih untuk belanja mengikut keperluan tersebut dengan hanya menggunakan *smartphone*," katanya memberitahu SSDU sudah memulakan perbincangan dengan beberapa bank besar untuk bekerjasama

an melaksanakan kaedah-kaedah terbaik termasuk mengembang luas projek yang sudah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan rakyat di negeri ini.

Timbalan Pengarah *Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)*, Dr Fahmi Ngah berkata, dalam usaha menjadikan Selangor sebagai *smart state* terulung di Asia menjelang 2025, banyak cabaran dilalui pihaknya, namun setakat ini, kesemua projek yang dirancang berjalan lancar dan mula menunjukkan impak positif secara berperingkat.

Beliau berkata, pada tahun lalu pihaknya memberi fokus kepada aspek pembangunan beberapa aplikasi dan ia boleh dilihat melalui kolaborasi bersama *Google Waze* bagi memantapkan lagi proses pelaporan lokasi jalan berlubang di negeri Selangor.

Katanya, pada peringkat awal, ia hanya melibatkan tujuh pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor dan menjelang akhir tahun lalu, aplikasi itu berjaya dikembangkan kepada semua PBT di Selangor, Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri serta pejabat daerah dan tanah.

“Ketika itu agak sukar kerana kita mempunyai tiga kumpulan yang berbeza untuk diintegrasikan dalam satu sistem, namun ia berjaya dilaksanakan.

“Kita berjaya dengan kaedah ini sebab kita tak bina aplikasi baru. Kita hanya guna aplikasi yang kira-kira 2.5 juta rakyat Selangor dah guna iaitu *Waze*.. dan ini kita anggap *smart*,” katanya ketika ditemubual

baru-baru ini.

***SiTS* tingkatkan jumlah pengguna**

Fahmi berkata, selain itu, pada tahun lalu, pihaknya turut memperkasakan bas Smart Selangor dengan mewujudkan aplikasi Selangor *Intelligent Transport System (SiTS)* yang berfungsi membolehkan pengguna mengenal pasti perhentian bas terdekat, di samping menyemak jangkaan waktu ketibaan bas di perhentian tersebut menerusi jadual yang akan dipaparkan.

Katanya, selepas SiTS diwujudkan bilangan pengguna yang menaiki bas juga semakin meningkat dan angka terkini dari Januari sehingga Disember 2017 menunjukkan seramai 10 juta pengguna direkodkan menggunakan perkhidmatan bas percuma tersebut yang disediakan kerajaan negeri.

“Aplikasi ini menunjukkan keberkesanan apabila dalam tempoh dua bulan pertama dilancarkan, kita sudah ada 25,000 muat turun menerusi *Google App Store*.

“Daripada jumlah tersebut, seramai 15,000 dikenalpasti sebagai pengguna tegar yang mana mereka ini menggunakan aplikasi itu setiap hari.

“Jumlah pengguna semakin meningkat dan ia perkembangan yang sangat baik sehingga kita mungkin perlu menimbangkan untuk menambah lebih banyak bas di laluan sedia ada,” katanya.

Susulan itu katanya, pada tahun ini pihaknya merancang untuk menyediakan

perhentian bas Smart Selangor yang lebih cantik dilengkapi dengan kemudahan panel maklumat penumpang (*passenger information display panel*), wifi percuma, kamera litar tertutup (CCTV) dan *panic button*.

***'Smart Selangor Parking'* selesai isu parkir PBT**

Dalam pada itu, Fahmi berkata, isu masalah parkir di Selangor yang tidak seragam menyebabkan rakyat pening kepala kerana perlu menggunakan sistem aplikasi, kupon dan syiling apabila memasuki kawasan PBT berlainan turut menjadi perhatian kerajaan negeri.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan melaksanakan kaedah 'Smart Selangor Parking' di mana menerusi sistem ini kaedah bayaran parkir itu akan diseragamkan di semua PBT.

“Untuk fasa pertama dijangka dalam sebulan lagi, kita akan ambil enam PBT dulu untuk laksanakan sistem ini bagi memudahkan rakyat meletakkan kenderaan mereka.

“Apa yang kerajaan negeri buat bukan untuk pinggirkan aplikasi atau sistem yang setiap PBT ada tapi kita hendak memudahkan pengguna menerusi satu aplikasi sahaja,” katanya.

Menurutnya, SSDU juga mendapat permintaan daripada pengguna jika boleh diwujudkan aplikasi untuk mengesan lokasi parkir kosong dan perkara itu tidak mustahil dapat dilakukan selepas pelaksanaan sistem tersebut nanti.

“Kita akan kumpul data yang berkaitan untuk laksanakan perkara itu dahulu kerana ia memerlukan pelaburan infrastruktur yang agak tinggi,” katanya.

***Cashless society* kenal pasti perbelanjaan rakyat**

Fahmi berkata, pihaknya kini dalam peringkat akhir untuk menyiapkan satu lagi demonstrasi *cashless society* yang bertujuan untuk mengurangkan beban penggunaan wang fizikal di kalangan rakyat dalam kehidupan seharian.

Katanya, ketika ini, jika ke pasar malam pun pengguna perlu bawa tunai dalam jumlah besar dan peniaga pula terbeban

melaksanakan perkara itu.

Katanya, kerajaan negeri sentiasa memikirkan kaedah terbaik untuk kurangkan kos pegang duit termasuk menyediakan keperluan berdasarkan data trend perbelanjaan di kalangan rakyat.

Selain itu katanya, satu inovasi aplikasi 'smart pasar' atau *smart farmer* juga akan dibuat tahun ini bagi membantu petani mendapat pendapatan lebih kerana tak perlu menggunakan khidmat orang tengah dan pengguna juga dapat membeli secara terus daripada petani.

Teknologi telekomunikasi dan internet lebih laju

Dalam perkembangan lain, Fahmi berkata, aspek *connectivity* atau perhubungan juga antara projek besar yang menjadi fokus tahun ini.

Pihaknya, sedang merancang untuk melaksanakan satu sistem yang pengguna kerajaan negeri dapat berhubung menggunakan satu rangkaian berkelajuan tinggi dan pada masa sama boleh berkongsi untuk mewujudkan wifi percuma yang laju untuk rakyat.

“Contohnya, jika ada infrastruktur yang menghubungkan MBSA dengan pejabat SUK melalui rantaian yang cukup laju dan boleh digunakan dalam tempoh jam 9 pagi hingga 5 petang.

“Sebelah malam tak ada orang guna, jadi kapasiti internet itu boleh dikongsi pula dengan rakyat secara percuma bermula jam 5 petang sehingga jam 9 pagi esoknya... Perkara ini akan dapat beri manfaat kepada rakyat khususnya pelajar untuk menelaah dan sebagainya,” katanya.

Jika sistem ini berjaya, Fahmi berkata ia boleh diperluaskan ke kawasan luar bandar, boleh menghubungkan pejabat daerah dengan PBT, malah kawasan sekitar juga boleh menikmati kemudahan tersebut.

“Bagaimanapun untuk menjayakan sistem itu, kerajaan negeri perlu ada satu entiti seperti syarikat telekomunikasi tapi bukan bermotifkan keuntungan semata.

“Kerajaan negeri perlu buat pelaburan untuk jangka masa panjang dan ini satu-satunya cara untuk hubungkan peranti digital antara bandar dan luar bandar,” katanya.



Bas Smart Selangor mencatatkan peningkatan jumlah pengguna mencecah 10 juta orang dari Januari sehingga Disember 2017.